

TERMA & SYARAT PENGHANTARAN MOTOSIKAL MELALUI POS LAJU

Berikut adalah Syarat dan Peraturan penghantaran motosikal yang menjadi kontrak yang dipersetujui, di antara pengirim dan Pos Laju apabila pengirim menggunakan perkhidmatan Pos Laju, sama ada ruangan tandatangan pengirim pada Borang Senarai Semakan Motosikal PL66 telah ditandatangani atau sebaliknya.

1.0 Pengeposan di atas tanggungjawab pengirim

- 1.1 Pengirim bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengeposan motosikal yang dikirimkan. Pengirim hendaklah mengisi maklumat dengan lengkap pada borang pengeposan domestik PL1A dan borang senarai semakan motosikal PL66. Nombor telefon pengirim dan penerima hendaklah dicatatkan di atas borang pengeposan domestik PL1A dan senarai semakan motosikal PL66.
- 1.2 Penghantaran hanya akan dibuat atas persetujuan pemilik sebenar motosikal tersebut. Untuk itu, nama pemilik sebenar motosikal tersebut mestilah tercatat pada salah satu ruang maklumat pengirim atau penerima pada borang pengeposan domestik PL1A dan borang senarai semakan motosikal (PL 66).

2.0 Tanggungjawab pengirim motosikal

- 2.1 Pengirim bertanggungjawab memastikan bahagian motosikal yang terdedah kepada risiko calar atau kemek dibalut atau dibungkus dengan sempurna dan memenuhi ciri-ciri keselamatan bagi melindungi motosikal semasa kendalian secara biasa sepanjang proses pengeposan. Pos Laju tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berpunca daripada cara balutan yang tidak sempurna.
- 2.2 Pengirim bertanggungjawab memastikan petrol/bahan api yang ditinggalkan adalah 1/2 daripada kandungan tangki motosikal.
- 2.3 Pengirim juga bertanggungjawab memastikan kedua-dua cermin sisi mesti ditanggalkan sebelum pengeposan. Nombor pendaftaran tidak perlu ditanggalkan bagi pengeposan motosikal ke Sabah dan Sarawak sahaja, manakala nombor pendaftaran perlu ditanggalkan bagi pengeposan motosikal dalam Semenanjung. Pengeposan cermin sisi, serta lain-lain item berkaitan motosikal seperti topi keledar, baju hujan, *tool* dan sebagainya wajib diposkan secara berasingan menggunakan borang pengeposan domestik PL1A. Kunci motosikal hendaklah ditinggalkan untuk urusan operasi pengendalian (bagi pengeposan ke Sabah dan Sarawak). Pos Laju tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan barangan yang diletakkan yang diletakkan bersama motosikal yang tidak dibuat pengeposan dengan menggunakan PL1A berasingan seperti di atas.

3.0 Insurans

Harga pengeposan motosikal telah termasuk nilai perlindungan insurans sebagai perlindungan tambahan untuk motosikal tersebut. Perlindungan insurans adalah terhad kepada kerosakan atau kehilangan pada kandungan atau sebahagian kandungan mengikut (a) nilai yang telah diinsurans sahaja (b) nilai kerosakan berdasarkan resit pembaikan motosikal yang dilampirkan (c) sebarang nilai yang diputuskan oleh pihak insurans, tertakluk yang mana lebih rendah. Perlindungan insurans tidak menanggung sebarang kos langsung atau tidak langsung yang timbul susulan dari kelewatan. Sekiranya pengirim gagal mendapatkan perlindungan tambahan menerusi insurans, tanggungan Pos Laju adalah tertakluk dan terhad seperti yang dijelaskan pada Perkara 8.0.

4.0 Jaminan serahan

- 4.1 Penghantaran dan serahan motosikal hanya akan dibuat di pusat-pusat Pos Laju sahaja. Motosikal hendaklah diambil sendiri oleh penerima di cawangan Pos Laju yang berhampiran dengan alamat penerima.
- 4.2 Tempoh sampai ke tempat tuju (Pejabat Destinasi) untuk serahan motosikal adalah ditetapkan minimum D+7 hari bekerja sehingga maksimum D+21 hari bekerja dan bergantung kepada kekosongan ruang pengangkutan *linehaul*.
- 4.3 Pos Laju berhak meminda laluan proses penghantaran ke destinasi. Justeru Pos Laju tidak bertanggungjawab membayar pampasan di atas sebarang kelewatan atau tidak memenuhi 'standard' serahan seperti dinyatakan pada Perkara 4.2.

5.0 Keadaan luar kawal

Pos Laju tidak akan menanggung kerugian bagi kehilangan, kerosakan, kegagalan atau kelewatan serahan disebabkan oleh perkara-perkara berikut tetapi tidak terhad, iaitu; (a) Bencana alam seperti gempa bumi, taufan, banjir dan seumpamanya, (b) Keadaan luar kawalan seperti peperangan, embargo, kemalangan atau kerosakan pengangkutan seperti *linehaul* atau kapal (c) Kebakaran atau rompakan luar kawalan yang berlaku di premis Pos Laju atau Pos Malaysia, meskipun kawalan keselamatan telah diambil sewajarnya, (d) Motosikal yang ditahan atau dirampas oleh mana-mana pihak berkuasa lain. Pengirim bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, duti atau penalti yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa lain. Pos Laju tidak bertindak sebagai wakil pengirim dalam sebarang urusan dengan mana-mana pihak berkuasa yang menahan atau merampas motosikal yang dipos.

6.0 Pengecualian tanggungan Pos Laju

- 6.1 Pos Laju tidak bertanggungjawab menanggung perkara-perkara berikut tetapi tidak terhad, iaitu; (a) Pos Laju tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berpunca daripada cara balutan yang tidak sempurna, (b) Pos Laju juga tidak akan bertanggungjawab atas segala kerosakan atau kehilangan barangan yang diletakkan bersama motosikal seperti cermin sisi, nombor pendaftaran hadapan dan belakang, kunci, topi keledar, baju hujan, *tool* dan sebagainya kecuali dibuat pengeposan dengan menggunakan PL1A berasingan, (c) Pos Laju tidak akan bertanggungjawab atas segala kerosakan melibatkan kerosakan enjin, mekanikal atau bateri semasa di dalam proses pengendalian penghantaran motosikal tersebut, (d) Pos Laju juga tidak bertanggungjawab dengan sebarang pelanggaran peraturan pihak berkuasa seperti Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan dan sebagainya
- 6.2 Pos Laju juga tidak bertanggungjawab menanggung perkara-perkara berikut tetapi tidak terhad, iaitu; (a) Kerugian tidak langsung (*indirect loss*), (b) Kerosakan tidak langsung (*consequential damages*), (c) Lain-lain kos tidak langsung (*other indirect cost*), (d) Kehilangan peluang kontrak, keuntungan, pendapatan atau kos kerugian yang ditanggung oleh pengirim susulan dari kelewatan, kerosakan atau kehilangan motosikal atau kehilangan sebahagian kandungan motosikal, sama ada PosLaju mengetahui atau tidak mengetahui semasa pengeposan motosikal atau disebabkan oleh kecuaiian Pos Laju.

7.0 Tuntutan gantirugi

- 7.1 Sebarang kerosakan pada motosikal, mesti dilaporkan kepada pihak Pos Laju dalam tempoh 48 jam selepas motosikal diterima. Pos Laju tidak akan melayani sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak sekiranya aduan atau tuntutan dibuat selepas tempoh 48 jam motosikal diterima tanpa bantahan. Motosikal yang didakwa rosak di bawah kawalan Pos Laju mesti dibuktikan secara fizikal semasa aduan dibuat supaya pemeriksaan dan pengesahan dapat dilakukan oleh pihak Pos Laju. Pos Laju berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya pihak pengadu gagal mengemukakan bukti kerosakan berlaku di bawah kawalan Pos Laju serta menolak kerosakan yang diperbaiki yang mana kerosakan tersebut tidak disahkan oleh Pos Laju.
- 7.2 Tuntutan pampasan kerosakan perlu disertakan bersama resit pembaikan bagi kerosakan tersebut terlebih dahulu. Motosikal yang didakwa rosak perlu dibuktikan secara fizikal semasa aduan dibuat supaya pemeriksaan dan pengesahan dapat dilakukan oleh pihak Pos Laju.

8.0 Bayaran tuntutan maksimum

Tanggungjawab Pos Laju terhadap tuntutan kos kerugian langsung bagi kerosakan motosikal atau hilang keseluruhan atau hilang sebahagian, adalah terhad mengikut jumlah berikut, (a) Jumlah sebenar kehilangan atau kerosakan yang dialami, berasaskan kepada resit pembaikan setelah kerosakan diperbaiki/resit belian bagi menggantikan kehilangan tersebut atau maksimum caj pengeposan motosikal yang dibayar semasa pengeposan kecuali caj bahanapi dan caj pengendalian; tertakluk yang mana lebih rendah, (b) Terhad kepada satu tuntutan untuk satu pengeposan sahaja, tertakluk yang mana lebih tinggi tetapi tidak melebihi had tanggungan Pos Laju.

9.0 Am

- 9.1 Borang senarai semakan motosikal PL 66 yang telah lengkap diisi hendaklah ditampal pada motosikal bersama dengan borang pengeposan domestik PL1A.
- 9.2 Motosikal tersebut hendaklah diperiksa bersama (pengirim dan pegawai pos) bagi menentukan keadaan motosikal sebelum proses penghantaran dibuat. Sebarang kesan seperti calar, kemek, pecah dan sebagainya hendaklah direkodkan di dalam borang semakan motosikal PL 66.
- 9.3 Semua syarat di atas adalah tambahan dari Terma dan Syarat yang tertera pada borang pengeposan domestik (PL1A). Pos Laju berhak mengikut budi bicaranya untuk menambah atau membatalkan syarat-syarat dan peraturan ini tanpa sebarang notis.

Sila hubungi Pos Line di 1 300 300 300 atau layari laman web di www.pos.com.my atau emel kepada care@pos.com.my untuk sebarang pertanyaan lanjut.